LATIHAN JENIS-JENIS AYAT 1

Pilih JENIS-JENIS AYAT yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Seru	Ayat Tanya	Ayat Larangan	Ayat Penyata	Ayat Majmuk

a. Aminah pergi ke kedai membeli gula, garam dan bawang.

(_____)

b. Wah, cantiknya baju yang awak beli ini! (_____)

c. Jangan libatkan kawan awak dalam hal ini. (_____)

d. Di manakah kamu akan menginap di Kota Kinabalu nanti?

(_____)

e. Bangunan Mahkamah Tinggi terletak di Bandar Seri Begawan?

(_____)

f. Amboi, besarnya kereta baru Pak Mail! (_____)

g. Amin memasukkan buku-bukunya ke dalam beg supaya tidak tertinggal lagi.

(_____)

h. Penilaian Sekolah Rendah akan bermula pada pertengahan bulan Oktober.

(_____)

i. Usah mencampuri urusan orang lain nanti hanya akan menambah masalah.

(_____)

j. Halim pergi juga ke majlis kenduri Pak Dollah walaupun dia baru sahaja pulang dari laut. (_____)

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN JENIS-JENIS AYAT 2

Tuliskan JENIS-JENIS AYAT bagi ayat-ayat di bawah.

Ayat Permintaan	Ayat Silaan	Ayat Tanya	Ayat Seru	Ayat Penyata

a) Jemputlah ke rumah kami petang nanti, selepas waktu Asar, kerana ada majlis doa kesyukuran. (_____)

b) Tolong bukakan pintu reban itu dan juga masukkan anak-anak ayam itu.

(_____)

c) Aduh, sakitnya kepalaku! (_____)

d) Awakkah yang telah memindahkan meja ini ke tepi? (_____)

e) Musim kemarau telah melanda negara-negara Afrika.

(_____)

f) Cis, jangan kamu berani berkata begitu padaku! (_____)

g) Minta hadirin masuk ke dewan makan untuk menikmati jamuan yang telah disediakan. (_____)

h). Apakah sebab awak melarikan diri dari rumah? (_____)

i) Esok akan diadakan perlawanan bola jaring antara murid-murid Tahun 6 Joyous dan murid-murid Tahun 6 Happy. (_____)

j) Eh, awak rupanya yang bersembunyi di belakang pintu ini!

(_____)

LIVEWORKSHEETS